



JABATAN PERDANA MENTERI

MITRA

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 4, Blok Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 1, 62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.jpm.gov.my

JPM.MITRA.100-9/1/1 (11)

**KENYATAAN MEDIA
PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024)**

PUTRAJAYA, 13 Oktober 2023 – Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas (JPPK) Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) mengalu-alukan pengumuman YAB Perdana Menteri akan belanjawan MADANI kedua yang memperuntukkan 393.8 bilion ringgit iaitu belanjawan tertinggi yang pernah dibentangkan setakat ini. Belanjawan MADANI membuktikan kesungguhan Kerajaan Perpaduan dalam mengangkat martabat ekonomi negara dan rakyat.

Belanjawan MADANI juga telah memperuntukan dana 100 juta ringgit untuk MITRA bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Selain itu Kerajaan juga telah menyediakan dana keusahawanan serta pendidikan (penyelenggaraan bangunan SJKT) untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Selain itu ruang untuk masyarakat India menikmati pembangunan ekonomi telah tersedia di semua Kementerian.

Saya akan memastikan peruntukan dana MITRA dibelanjakan secara efektif dan berintegriti melalui pelbagai inisiatif strategik yang akan memberi keutamaan kepada golongan B40 dan M40. Saya akan menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan peruntukan dana MITRA Belanjawan 2024 dapat memberi impak yang optimum kepada pembangunan sosiekonomi masyarakat India Malaysia.

**YB. DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
AHLI PARLIMEN SUNGAI BULOH MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS KHAS (JPPK)
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

-TAMAT-